



Rujukan : 060924130572/UP4623001/AA  
Tarikh : 06 OGOS 2024

**MELVIADONNA MANOK  
RH EMPERAN ANAK GIMANG SG SELEZU  
97100 BINTULU  
SARAWAK**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Saudara/Saudari,

**TAWARAN KEMASUKAN KE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA SEMESTER PERTAMA SESI 2024/2025**

Dengan sukatanya dimaklumkan bahawa anda ditawarkan masuk ke Universiti Putra Malaysia untuk mengikuti program berikut:-

**Program : DIPLOMA PERHUTANAN  
Klasifikasi : AWAL  
Fakulti : FAKULTI SAINS PERTANIAN DAN PERHUTANAN  
Kolej Kediaman : KOLEJ SRI RAJANG  
No. Matrik : S37440**

Tawaran di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang disebutkan pada halaman belakang surat ini. Sekiranya anda menerima tawaran ini, sila buat pengesahan setuju terima tawaran dan lengkapkan pra pendaftaran secara dalam talian mulai **06 Ogos 2024 hingga 16 Ogos 2024**. Sila layari laman sesawang <https://edaftarsmp.upm.edu.my> untuk urusan berkaitan.

Tarikh, masa dan tempat lapor diri adalah seperti berikut :-

**Tarikh : 12 OGOS 2024 (ISNIN)  
Masa : 08:30 PAGI - 04:30 PETANG  
Tempat : KOLEJ SRI RAJANG  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK  
JALAN NYABAU  
97008 BINTULU  
SARAWAK  
(TAWARAN PROGRAM MUKTAMAD)**

Tawaran ini sah sehingga **16 OGOS 2024**. Selepas tarikh ini, secara rasminya tawaran adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.



**"MALAYSIA MADANI"  
"BERILMU BERBAKTI"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD NAZRI BIN MD YASIN)**  
b/p Pendaftar

*\*Surat tawaran ini adalah janaan komputer, tandatangan tidak diperlukan.*

# **SYARAT-SYARAT TAWARAN MASUK KE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Tawaran masuk ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan seperti berikut:

## **1. Setuju Terima Tawaran**

Anda dikehendaki membuat pengesahan setuju terima tawaran selewat-lewatnya pada 15 Ogos 2024. Sekiranya anda tidak membuat pengesahan setuju terima tawaran anda dianggap menolak tawaran.

## **2. Pengesahan Tawaran**

Anda perlu melengkapkan pra pendaftaran sebelum mengesahkan pendaftaran tawaran.

## **3. Tempoh Tawaran**

Tawaran ini sah seperti dinyatakan di dalam surat tawaran.

## **4. Pematuhan Peraturan**

Selama tempoh pengajian anda di Universiti:

1. Anda mestilah mematuhi:-

- i) Undang-Undang Negara, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti, Kaedah-Kaedah Universiti (Tatatertib Pelajar), Statut-Statut Universiti dan Peraturan-Peraturan Universiti;
- ii) Keputusan-keputusan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Universiti.

2. Anda mestilah sentiasa memelihara nama baik Universiti dan menjaga harta benda serta kemudahan-kemudahan daripada dirosakkan oleh sesiapapun.

3. Anda dilarang melibatkan diri dalam sebarang kegiatan yang menghalang perjalanan dan urusan Universiti.

4. Anda mestilah menjelaskan segala yuran yang dikenakan oleh Universiti pada masa yang ditetapkan.

## **5. Pemeriksaan Perubatan**

Anda dikehendaki menjalani dan lulus pemeriksaan perubatan. Maklumat berkenaan pemeriksaan perubatan boleh dirujuk di dalam Buku Panduan Kemasukan Pelajar Baharu.

## **6. Pembukaan Akaun Simpanan**

Anda perlu membuka Akaun Simpanan-i RHB Pro sebelum hari pendaftaran. Pembukaan Akaun Simpanan-i RHB Pro adalah WAJIB. Langkah-langkah pembukaan Akaun Simpanan-i RHB Pro adalah seperti di lampiran.

## **7. Pembatalan Tawaran**

Universiti berhak membatalkan tawaran atau menyingkirkan anda sebagai pelajar UPM pada bila-bila masa jika kenyataan dan/atau maklumat yang diberikan dalam permohonan kemasukan ke UPM didapati tidak benar.



### **Langkah-langkah Pembukaan Akaun Simpanan-i RHB Pro /“RHB Pro Savings Account-i”**

Peringatan:

1. Pembukaan Akaun Simpanan-i RHB Pro adalah WAJIB (sila rujuk kepada pihak universiti anda) sebelum mendaftar ke kampus.
2. Kad MySiswa yang akan anda terima daripada pihak universiti akan berfungsi sebagai kad debit dan juga kad pelajar/kad matrik.
3. Anda berpeluang untuk menikmati pelbagai diskoun dan manfaat selepas pembukaan Akaun Simpanan-i RHB Pro dan mengaktifkan Kad MySiswa. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.rhbgroup.com/personal/deposits/joy-at-uni/index.html>
4. Jika anda memohon pinjaman PTPTN, sila ambil maklum bahawa wang pinjaman akan disalurkan ke akaun ini.
5. Jika anda pemegang Passport dan MyPR, anda boleh melakukan pembukaan akaun secara atas talian dan berkunjung ke cawangan RHB terdekat dalam masa 30 hari dari tarikh pembukaan akaun untuk proses pengaktifan akaun.

### **KAEDAH 1: Pembukaan Akaun Secara Atas Talian**

Nota:

- Anda mesti berumur 18 tahun dan keatas
- Tiada jumlah deposit diperlukan untuk pembukaan akaun. Namun begitu, jika anda ingin melakukan proses pengaktifan akaun secara atas talian, deposit sebanyak RM10 perlu dipindahkan daripada akaun bank sedia ada anda untuk melengkapkan proses pengaktifan. Anda boleh melakukan pengeluaran deposit selepas proses pengaktifan akaun selesai.
- Jika anda berumur bawah 18 tahun, sila ikuti **Kaedah 2**.

**Langkah 1:** Muat turun aplikasi RHB daripada Apple App Store atau Google Play Store.



**Langkah 2:** Imbas kod QR untuk memulakan proses pembukaan akaun secara atas talian.





**Langkah 3:** Ikuti kesemua langkah-langkah proses pembukaan akaun sehingga selesai.

**Langkah 4:** Anda akan menerima “Welcome Email” selepas proses pembukaan akaun berjaya. Jika anda memohon pinjaman PTPTN, anda boleh menggunakan nombor Akaun Simpanan-i RHB Pro yang diberikan untuk tujuan permohonan pinjaman PTPTN.

**Langkah 5:** Sila rujuk pengumuman daripada pihak universiti untuk proses pengambilan Kad MySiswa/“RHB MySiswa Debit Card-i”. Tiada kad yang akan diberikan oleh pihak cawangan RHB.

Kad MySiswa akan berada dalam keadaan tidak aktif dan tidak boleh digunakan untuk sebarang transaksi perbankan sehingga anda memenuhi langkah 6. Namun begitu, anda boleh mengaktifkan Perbankan Internet dan Mudah Alih RHB menggunakan maklumat Kad MySiswa.

**Langkah 6:** Pihak RHB akan membuka kaunter pengaktifan Kad MySiswa di kampus-kampus universiti dan melakukan proses pengaktifan dan pautan Kad MySiswa ke Akaun Simpanan-i RHB Pro anda. Tarikh pembukaan kaunter pengaktifan akan diumumkan oleh pihak universiti.

Kad MySiswa perlu dibawa bersama-sama Kad Pengenalan Asal/Passport Asal ketika hari pengaktifan.

Hanya selepas langkah ini selesai anda boleh mula menjalankan transaksi perbankan menggunakan Kad MySiswa.



## KAEDAH 2: Pembukaan Akaun di Cawangan RHB

**Langkah 1:** Muat turun aplikasi **RHB eQMS** daripada Apple App Store atau Google Play Store dengan cara klik pautan <https://www.rhbgroup.com/qms/index.html> atau imbas kod QR dibawah.



**Langkah 2:** Buat temu janji untuk pembukaan Akaun Simpanan-i RHB Pro melalui aplikasi RHB eQMS.

Kami menggalakkan anda menggunakan aplikasi ini untuk membuat temu janji bagi mengelakkan berlakunya kelewatan atau beratur panjang untuk membuka akaun.

**Langkah 3:** Hadir ke mana-mana Cawangan RHB yang telah dipilih (mengikut Tarikh dan Masa yang ditetapkan) untuk proses pembukaan Akaun Simpanan-i RHB Pro dan sila bawa dokumen seperti yang tertera dibawah.

Anda perlu menyediakan dokumen berikut untuk proses pembukaan akaun:

### Pelajar Warganegara Malaysia

Jika anda berumur **bawah 18 tahun**:

- I. Sijil Kelahiran asal
- II. Kad Pengenalan asal
- III. Surat Tawaran ke Universiti/ Surat Pengesahan Pelajar

**Nota Penting:** Anda perlu ditemani oleh Ibu Bapa atau Penjaga untuk proses pembukaan akaun. Jika anda tidak ditemani oleh ibu atau bapa, anda perlu ditemani oleh Penjaga dan membawa bersama dokumen sokongan sebagai bukti hubungan; contoh Surat Kuasa Penjaga atau lain-lain dokumen yang berkenaan.

Jika anda berumur **18 tahun dan keatas**:

- I. Kad Pengenalan asal (MyKad/MyTentera)
- II. Surat Tawaran ke Universiti/ Surat Pengesahan Pelajar

### Pelajar Bukan Warganegara Malaysia

- I. Passport asal (tarikh tamat tempoh melebihi 6 bulan)
- II. Surat Tawaran ke Universiti/ Surat Pengesahan Pelajar
- III. Visa/Pass pelajar (Visa/Pass perlu berada dalam keadaan sah ketika sesi pembukaan akaun)

Tiada jumlah deposit diperlukan untuk membuka akaun.



**Langkah 4:** Anda akan menerima “Welcome Email” selepas proses pembukaan akaun berjaya. Jika anda memohon pinjaman PTPTN, anda boleh menggunakan nombor Akaun Simpanan-i RHB Pro yang diberikan untuk tujuan permohonan pinjaman PTPTN.

**Langkah 5:** Sila rujuk pengumuman daripada pihak universiti untuk proses pengambilan Kad Mysiswa/“RHB MySiswa Debit Card-i”. Tiada kad yang akan diberikan oleh pihak cawangan RHB.

Kad MySiswa akan berada dalam keadaan tidak aktif dan tidak boleh digunakan untuk sebarang transaksi perbankan sehingga anda memenuhi langkah 6. Namun begitu, anda boleh mengaktifkan Perbankan Internet dan Mudah Alih RHB menggunakan maklumat Kad MySiswa.

**Langkah 6:** Pihak RHB akan membuka kaunter pengaktifan Kad MySiswa di kampus-kampus universiti dan melakukan proses pengaktifan dan pautan Kad MySiswa ke Akaun Simpanan-i RHB Pro anda. Tarikh pembukaan kaunter pengaktifan akan diumumkan oleh pihak universiti.

Kad MySiswa perlu dibawa bersama-sama Kad Pengenalan Asal/Passport Asal ketika hari pengaktifan.

Hanya selepas langkah ini selesai anda boleh mula menjalankan transaksi perbankan menggunakan Kad MySiswa.

## **● MAKLUMAN : PROSES PRA PENDAFTARAN**

**SILA SELESAIKAN PROSES PRA PENDAFTARAN DI DALAM SISTEM PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU ATAS TALIAN (e-DAFTARSMP) SEPERTI PERKARA DI BAWAH SEBELUM TARikh TUTUP YANG DINYATAKAN DI DALAM BUKU PANDUAN KEMASUKAN PELAJAR BAHARU.**

1. Pengesahan penerimaan tawaran.
2. Cetak surat tawaran berkomputer bagi maklumat program, yuran dan tempat daftar.
3. Cetak dan baca Buku Panduan Kemasukan Pelajar Baharu sebagai panduan pendaftaran.
4. Melengkapkan maklumat peribadi (profil) dan melaksanakan pengesahan profil.
5. Muat naik gambar bagi tujuan Kad Pelajar mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Rujuk Buku Panduan Kemasukan Pelajar Baharu dan manual pengguna sistem.
6. Membuat pembayaran yuran dan pengesahan bayaran yuran.
7. Melaksanakan perakuan Kesihatan dan mencetak borang perakuan kesihatan/laporan kesihatan, Akuan Bebas Dari Dadah dan Surat Akuan Kuasa.
8. Cetak borang Penerimaan Kunci.
9. Melaksanakan pengesahan pra pendaftaran dan cetak borang pengesahan pra pendaftaran.

**PASTIKAN SEMUA PROSES DILENGKAPKAN SEBELUM TARikh TUTUP SEPERTI DINYATAKAN DI ATAS. CETAK SEMUA BORANG DAN DOKUMEN UNTUK DIBAWA SEMASA HARI PENDAFTARAN.**

**KEGAGALAN MEMBUAT PRA PENDAFTARAN DI DALAM e-DAFTARSMP SEBELUM TARikh TUTUP MENYEBABKAN TAWARAN KEMASUKAN KE UPM TERBATAL SECARA AUTOMATIK.**

Saya telah membaca dan memahami maklumat pra pendaftaran seperti di atas.